

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 August 2015



NAJIB TUN RAZAK dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor beramah mesra dengan peserta pertandingan akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, malam tadi.
- BERNAMA

Tubuh lebih banyak kursi pengajian Bahasa Melayu

Oleh **THOMAS CHONG**
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 8 Ogos Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Kementerian Pendidikan Tinggi menubuhkan lebih banyak kursi pengajian Bahasa Melayu di universiti-universiti tersohor dunia.

Perdana Menteri berkata, penubuhan kursi tersebut merupakan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau berkata, kerjasama dengan sekolah atau institusi pendidikan tinggi di luar negara perlu diwujudkan terutama dalam bidang penyelidikan dan dokinnentasi maklumat selain menghantar tena-

ga pengajar bahasa serta persuratan Melayu ke institusi berkenaan.

"Bahasa Melayu juga perlu dipromosi melalui penglibatan negara ini dalam pergerakan dan persidangan antarabangsa.

"Saya juga menyaran Kementerian Pendidikan Tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka serta syarikat-syarikat penerbitan bekejasama membekalkan bahan bacaan dan rujukan, khususnya tentang Tamadun Melayu serta Malaysia kepada masyarakat antarabangsa.

"Ini termasuklah mengeksport filem tempatan yang menonjolkan bahasa Melayu dan budaya Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam pertandingan akhir

'Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Sementara itu, Najib menyarari supaya bahasa Melayu dibangunkan dalam alam siber seperti membina portal dan penerbitan elektronik.

Perdana Menteri berkata, teknologi ICT telah membawa perubahan sehingga mencetuskan iklim ekonomi baharu di dunia yang berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi.

"Bahasa Melayu perlu cukup utuh dan mantap serta harus berupaya mengemudi masyarakat penutur bergerak seiring dengan arus pembangunan K-ekonomi ini," katanya.